



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

SIARAN MEDIA

SEMPENA SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022 DI JALAN KUALA LIPIS-GUA MUSANG, LIPIS, PAHANG DARUL MAKMUR

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2022 pada kali ini telah diadakan di kawasan koridor ekologi *Central Forest Spine* (CFS) yang bersebelahan dengan Hutan Simpan Tanum, Pahang. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menjunjung kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang berangkat ke Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Tahun 2022 Peringkat Kebangsaan pada hari ini.

Majlis ini telah dihadiri oleh YAB Menteri Besar Pahang, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Pegawai-pegawai Kanan KeTSA dan jemputan daripada pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Jabatan-jabatan Persekutuan dan Negeri, wakil-wakil komuniti dan badan bukan kerajaan serta pihak swasta. Pada majlis ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang turut berkenan menanam pokok Merbau yang merupakan pokok kebangsaan.

Pemilihan kawasan CFS sebagai lokasi sambutan Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini amat signifikan memandangkan CFS merupakan tulang belakang rangkaian Kawasan Sensitif Alam Sekitar dan koridor ekologi yang dibentuk semenjak Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-2. Penubuhan kawasan CFS amat penting bagi pemeliharaan dan perlindungan habitat tumbuhan dan hidupan liar yang terdapat dalam kawasan hutan. Sehingga kini, kira-kira 30,119 hektar tanah negeri dan tanah hutan lain telah diwartakan sebagai kawasan tambahan HSK dan Kawasan Perlindungan.

KeTSA komited untuk memelihara dan memulihara kawasan berhutan serta biodiversiti dengan kerjasama rapat daripada kerajaan negeri dan pemegang taruh lain menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif dan projek. Selain CFS, KeTSA juga terlibat dalam inisiatif *Heart of Borneo*, Projek Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot, Projek Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara, perhutanan sosial dan konservasi hidupan liar termasuk spesies ikonik negara iaitu Harimau Malaya.

Hari Hutan Antarabangsa disambut pada 21 Mac setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan hutan serta pemeliharaan dan pemuliharaannya. Tema sambutan peringkat kebangsaan pada tahun ini ialah **“Hutan untuk Kesejahteraan Masyarakat”**. Bersesuaian dengan tema ini, besar harapan saya agar kita semua sebagai satu Keluarga Malaysia dapat menunjukkan keprihatinan serta komitmen yang jitu untuk bersama-sama menyemarakkan semangat menyayangi, melindungi dan memelihara khazanah hutan negara.

Menyedari kepentingan memelihara dan menguruskan khazanah hutan secara berkekalan sebagai agenda utama dalam kehidupan sehari-hari kita, KeTSA telah membentangkan Rang Undang-undang (RUU) Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 untuk bacaan kali yang pertama di Dewan Rakyat pada 3 Mac 2022. Perundangan ini telah mengambil masa hampir 13 tahun untuk dimuktamadkan dan akhirnya dapat dibawa ke Parlimen. RUU ini dijangka akan dibentangkan untuk bacaan kali yang kedua pada sesi Parlimen yang akan datang iaitu pada bulan Julai 2022.

Antara penambahbaikan utama yang diperkenalkan dalam RUU tersebut adalah memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian HSK dengan memperkenalkan proses penyiasatan awam (*public inquiry*) sebelum sesuatu kawasan HSK diwarta keluar dan penggantian serentak bagi HSK yang diwarta keluar. Saya berharap dengan lulusnya RUU ini di Parlimen nanti, perundangan perhutanan negara akan menjadi lebih mantap dan semua kerajaan negeri menerima pindaan RUU ini melalui Enakmen Pemakaian masing-masing agar pelaksanaannya dapat disegerakan.

Kerajaan Persekutuan telah menyediakan insentif kewangan iaitu *Ecological Fiscal Transfer (EFT) for Biodiversity Conservation* bagi membantu kerajaan negeri mengambil tindakan yang lebih proaktif dalam memelihara dan memulihara kepelbagaiannya biologi dan kawasan perlindungan. Selain itu, kerajaan negeri digalakkan untuk memohon geran di bawah Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli (NCTF) bagi merancakkan lagi aktiviti penyelidikan dan konservasi di negeri masing-masing.

Satu lagi bentuk insentif kepada Kerajaan Negeri adalah melalui Kerangka Kewangan REDD Plus (*REDD Plus Finance Framework - RFF*) yang sedang dibangunkan oleh KeTSA. RFF akan meningkatkan kerjasama antara pihak swasta dan kerajaan negeri dalam menyalurkan dana kepada aktiviti pemeliharaan dan pengurusan hutan. Pelaksanaan mekanisme REDD Plus akan menjadi insentif kewangan tambahan kepada kerajaan negeri bagi memelihara, melindungi serta mengurus sumber hutan secara berkekalan.

Sehingga kini, Malaysia masih mengekalkan 55.3 peratus atau 18.27 juta hektar daripada keluasan tanah negara dengan kawasan berhutan selaras dengan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada

keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan. Selain itu, Rancangan Fizikal Negara Ke-4 telah menyasarkan sejumlah 50 peratus kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2040. Sasaran ini merupakan *game changer* dalam memperkuatkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan kawasan berhutan khususnya di Semenanjung Malaysia.

Malaysia telah melaksanakan pensijilan pengurusan hutan di bawah Skim Pensijilan Kayu Malaysia (MTCS) berdasarkan *Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management* atau MC&I (SFM) dan *Forest Stewardship Council* (FSC). Sehingga kini, sebanyak tujuh *Forest Management Unit* (FMU) di Semenanjung iaitu negeri Kedah, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor, Terengganu dan Johor yang melibatkan kawasan HSK seluas 4.05 juta hektar; enam FMU di Sabah melibatkan kawasan HSK seluas 0.20 juta hektar; dan 17 FMU di Sarawak melibatkan kawasan HSK seluas 1.18 juta hektar telah dianugerahkan Sijil Pengurusan Hutan di bawah MTCS. Manakala bagi kawasan hutan yang disijilkkan di bawah FSC adalah seluas 56,757 hektar yang melibatkan 1 FMU di Terengganu dan 3 FMU di Sabah.

Agenda Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok telah dilancarkan pada 5 Januari 2021. Dengan sokongan Kerajaan-kerajaan Negeri, sebanyak 27.83 juta pokok telah berjaya ditanam di seluruh negara. Bagi tahun ini juga, kita sasarkan untuk menanam 20 juta pokok lagi. Kempen yang bertemakan **“Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita”** atau **“Greening Malaysia: Our Trees, Our Life”** merupakan sebuah Agenda Nasional yang disokong oleh dasar dan pengukuhan perundungan perhutanan yang sedang dilaksanakan bagi memastikan khazanah hutan negara dapat diuruskan secara mampan.

Justeru, saya menjemput semua pihak untuk terus menyokong serta melipatgandakan usaha bagi menjayakan Agenda Penghijauan Malaysia yang sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan pada masa ini dengan sasaran penanaman 100 juta pokok menjelang tahun 2025. Saya juga menyeru supaya lebih banyak persatuan komuniti, badan bukan kerajaan dan pihak swasta untuk bersama-sama terlibat dan memainkan peranan yang lebih aktif dalam menjayakan agenda ini.

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

26 MAC 2022

